



(72)dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld 5

28 Oktober 2010

Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah JPS Negeri
Semua Jurutera Projek

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

Surat Arahan KPJPS

**PANDUAN PELAKSANAAN PROSEDUR WANG PERUNTUKAN SEMENTARA
BAGI KERJA-KERJA PENGALIHAN UTILITI**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, kerja-kerja pengalihan utiliti seperti paip air, kabel elektrik, kabel telefon dan sebagainya seringkali diperuntukkan sebagai Wang Peruntukan Sementara (WPS) disebabkan oleh kekurangan maklumat tentang utiliti sedia ada yang perlu dialihkan semasa tender atau rundingan harga. Kerja-kerja sebenar pengalihan utiliti ini hanya akan dapat dikenalpasti semasa projek sedang berjalan. Adalah didapati beberapa masalah telah timbul dalam urusan pelaksanaan prosedur Wang Peruntukan Sementara (WPS) bagi kerja-kerja pengalihan utiliti yang sedikit sebanyak telah mengganggu pelaksanaan projek-projek yang berkaitan.

3. Surat arahan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan prosedur Wang Peruntukan Sementara (WPS) bagi kerja-kerja pengalihan utiliti bagi mengelakkan kelambatan projek disiapkan disebabkan oleh kelewatan dalam proses mendapatkan kelulusan harga.

4. Memandangkan pengalihan utiliti ini diletakkan di bawah peruntukan WPS, perbelanjaan kerja-kerja ini perlu dilaksanakan mengikut SP JPS Bil. 2/2010. Walaubagaimanapun, terdapat juga kerja-kerja pengalihan utiliti yang dilaksanakan sendiri oleh syarikat pengendali utiliti dan kos pengalihan tersebut dituntut melalui kontraktor utama.

5. Bagi mengelakkan kelewatan dan masalah pembayaran kerja-kerja pengalihan utiliti di bawah WPS, langkah-langkah berikut perlu diambil oleh pihak yang menguruskan projek:-

- a) **Sekiranya kerja pengalihan utiliti dibuat oleh syarikat utiliti**, Jabatan hendaklah membuat pembayaran terus kepada syarikat utiliti tersebut berdasarkan invois tanpa melalui kontraktor utama. Oleh yang demikian peruntukan item WPS tersebut hendaklah dikeluarkan daripada kontrak dengan membuat pelarasan menggunakan borang JKR-PHK yang terkini.

Pegawai hendaklah meneliti invois yang dikemukakan oleh syarikat utiliti. **Sekiranya kos yang dituntut oleh syarikat utiliti tersebut adalah terlalu tinggi dan tidak munasabah**, tuntutan tersebut hendaklah dirujuk kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Pelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri untuk keputusan seterusnya.

Walaubagaimanapun, kelulusan melaksanakan Item WPS yang melebihi 30% daripada peruntukan (Penggunaan Borang E) dan kelulusan harga bagi Item WPS (Penggunaan Borang F) masih perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Melulus seperti yang ditetapkan dalam SPJPS Bil. 2/2010.

- b) Sekiranya pengalihan utiliti dibuat oleh kontraktor utama atau kontraktor-kontraktor lain (yang berdaftar dengan syarikat utiliti berkenaan), pelaksanaan prosedur WPS bagi item itu masih berpandukan kepada SPJPS Bil. 2/2010.

6. Adalah diharapkan dengan pengeluaran arahan ini, kerja-kerja pengalihan utiliti ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan seterusnya membolehkan projek Jabatan disiapkan mengikut jadual.

Sekian. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”



(DATO' IR HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

- s.k. -
- Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) JPS Malaysia
 - Timbalan Ketua Pengarah II (Sektor Pakar) JPS Malaysia
 - Pengarah Kanan JPS Malaysia
 - Pengarah Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak
 - Jurukur Bahan Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak
 - Juruukur Bahan Bahagian Projek Khas